



Headline: Rugi RM30,000 diperdaya Macam Scam  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 27 August 2021

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 29

## **Rugi RM30,000 diperdaya Macau Scam**

**KUANTAN:** Seorang peniaga dekat sini kerugian sehingga RM30,000 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang mendakwa terlibat dalam satu kes pengubahan wang haram.

Kejadian bermula 22 Ogos lalu apabila mangsa yang berusia dalam lingkungan 44 tahun itu menerima panggilan daripada individu kononnya mengaku sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, suspek mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM32,000 atas syarikat yang didaftarkan di atas namanya.

Menurutnya, pada mulanya mangsa menafikan sekeras-kerasnya berikutan tidak pernah menggunakan syarikat yang dinyatakan pegawai tersebut.

“Untuk menguatkan dakwaan tersebut, mangsa disambungkan kepada seorang pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka yang memperkenalkan diri sebagai Tuan Yong,” ujarnya.